

Kedudukan Ummu al-Barāhīn Imām al-Sanūsī di sisi masyarakat Maghribi

Oleh: Dr. Khalid Zahri

Penerjemah: M. Ayman al-Akiti

Sebelum kurun kesembilan hijrah (kira-kira kurun 15 masihi), “*‘Aqīdah Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī*” (m. 386H/996M), teks akidah yang dimuatkan pada permulaan “*al-Risālah al-Qayrawāniyyah*”, “*al-Murshidah fī al-‘Aqā’id*” karangan Muhammad bin Tūmart (m. 524H/1129M), “*al-‘Aqīdah al-Burbāniyyah*” karangan Abū ‘Amr ‘Uthmān al-Salālījī (m. 574H/1178M) dan “*Nūr al-Qulūb fī Ma‘rifati ‘Allāmi al-Ghuyūb*” karangan Abū ‘Alī al-Hasan bin ‘Alī al-Mājirī al-Āsafīy (m. kira-kira 668H/1269M) merupakan teks-teks akidah yang menduduki tampuk pengaruh ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Maghribi.

Walaubagaimanapun pengaruh ini beralih kuasa kepada teks akidah lain yang dikarang oleh Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Tilimsānī (m. 895H/1489M) yang diberi nama “*Ummu al-Barāhīn*”. Ia juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti “*al-‘Aqīdah al-Sughrā*”, “*al-Sughrā*”, “*Sughrā al-Sanūsī*”, “*al-‘Aqīdah al-Sanūsīyyah*”, “*‘Aqidah al-Sanūsī al-Sughrā*”, “*al-Sanūsīyyah*”, “*Matn al-Sanūsīyyah*”.

Ciri – ciri khusus yang membezakannya dari teks-teks akidah yang lain membolehkannya menduduki kedudukan ini. Ciri yang paling utama adalah kandungannya yang merupakan inti pati kepada ilmu kalam mazhab al-Ash‘arī. Ini secara tidak langsung membuatnya diterima untuk dihafal dan difahami hatta mencukupi untuk dibaca akidah ini tanpa perlu membaca penulisan yang lebih besar dalam bidang ilmu kalam. al-Sanūsī ada menyebut: “Gemerlapan kebaikan yang terdapat pada akidah ini mengatasi penulisan-penulisan besar”¹. Hal ini kerana, walaupun kandungannya yang ringkas tetapi kandungan tersebut meliputi pengesahbetulan bukti-bukti yang mampu difahami dan diterima.²

Maka tidak hairan sekiranya masyarakat Maghribi menerimanya untuk dihafal, difahami, dipelajari, dan disalinsemula serta menghiasinya dengan pujian sebagaimana kenyataan dari Syeikh Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Umar al-Mellālī al-Tilimsānī (hidup pada tahun 897H/1492M) yang menganggap akidah ini merupakan semulia-mulia akidah, tiada yang dapat menandinginya baik yang terdahulu mahupun yang datang kemudian.³

Perkara ini menyingkap kedudukan tinggi yang diduduki oleh “*Sughrā al-Sanūsī*” di sisi masyarakat Maghribi. Dalam kertas ini, kami hanya akan menyebut sebahagian tanda-tanda kedudukan

¹ Khutbah al-Sanūsī yang terdapat dalam *Syarab beliau ke atas Umm al-Barāhīn* (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Negara di Rabat bernombor “5 3”, lampiran 155 ٣).

² Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *Sharḥ al-‘Aqīdah Al-Wuṣṭā* dalam *al-‘Aqīdah al-Wuṣṭā wa Sharḥihā*, ed. al-Sayyid Yūsuf Aḥmad, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ed. 1, 1427H/2006M), 20.

³ Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Umar al-Mellālī, *al-Manāqib al-Qudsiyyah fī al-Manāqib al-Sanūsīyyah* (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah di Rabat bernombor “1798”, lampiran 266 ١).

ini melalui tajuk-tajuk yang di bawah nanti dinyatakan sebagai ciri-ciri khasnya yang diberikan oleh masyarakat Maghribi pada akidah ini.

Pujian ke atasnya dalam bentuk prosa dan syair

al-Sughrā mendahului semua penulisan dalam bidang akidah dari sisi pujian dan sanjungan. Ibn ʿAskar al-Shafshāwīnī (m. 986H/1578M) telah mengelaskannya dalam kategori sebaik-baik penulisan dalam Islam.⁴ Dinukilkan dari Abdullāh al-Waryāglī (dari kalangan ulama kurun ke 10H/1600M); kata-kata beliau: “Demi Allah kata-kata ini tidak keluar kecuali dari hati yang bercahaya”, beliau juga mengingatkan diri beliau agar tidak meninggalkan akidah ini lalu meletakkannya di dalam saku beliau dek kerana keagungannya dan kemuliaan keadilan yang terkandung di dalamnya. Perkara ini semua merupakan pendorong kepada orang awam untuk menghafal dan membacanya.⁵

Muḥammad bin Aḥmad al-Ḥudaygī (m. 1189H/1775M) telah menyifatkan akidah ini dengan berkata: “Ia merupakan seagung-agung akidah yang tiada tolak gantinya”. Beliau telah menukulkan kata-kata penulis akidah ini: “Sesungguhnya akidah ini mencukupi dari segala akidah yang lain”.⁶

Aḥmad ʿArafah al-Shādhilī al-Mālikī telah menambah lagi kecantikan pada akidah ini dengan berkata: “Akidah yang diberi nama “*Umm al-Barāhīn*” merupakan suatu yang luar biasa. Walaupun dengan ukurannya yang kecil namun ia dikira sebagai penulisan yang besar. Orang yang bersinar hatinya dengan cahaya keyakinan dapat merasai kehebatan akidah ini dan telah menyaksikan kehebatannya bagi siapa yang mempelajarinya dari golongan ulama yang mengamalkan ilmunya”.⁷

Muḥammad al-Ṭālib bin al-Ḥāj al-Sulamī (m. 1273H/1857M) menyifatnya sebagai satu penulisan ilmu kalam yang sangat berharga, yang menyentuh hal-hal bagi menerangkan setiap akidah dengan mendatangkan dalil-dalil yang berbentuk aqli dan naqli tanpa perlu campur tangan mazhab-mazhab yang batil.⁸

ʿAbd al-Salām bin Nāṣir ada menyebut:

Barangsiapa yang ingin memperkukuhkan akidah

Dengan hujah-hujah bagaikan kalung mutiara

Maka ambillah tulisan al-Sanūsī

Sesungguhnya padanya kemuliaan pada jiwa-jiwa

⁴ Muḥammad bin ʿAskar al-Ḥasanī al-Shafshāwīnī, *Dawḥab al-Nāshir Man Kāna bi al-Maghrib min Mashāyikhi al-Qarn al-ʿAshir*, ed. Muḥammad Ḥajjī, (Rabat: Dār al-Maghrib, 1397H/1977M), 121. Lihat juga: Ibn ʿAjībah, *Azhār al-Bustān fī Ṭabaqāt al-ʿAṣyān* (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah di Rabat bernombor “11481”, halaman 170).

⁵ Ibn ʿAskar, *Dawḥab al-Nāshir*, 33, 122. Lihat juga: Ibn ʿAjībah, *Azhār al-Bustān*, 171.

⁶ al-Ḥudaygī, *Ṭabaqāt al-Ḥudaygī*, ed. Aḥmad Būmazgū (Casablanca: al-Najāh al-Jadīdah, ed. 1, 1427H/2006M), 1/240.

⁷ Aḥmad ʿArafah al-Shādhilī al-Mālikī, *Iʿānah al-Mājidīn fī Tashīh al-Dīn bi Umm al-Barāhīn*, (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah di Rabat bernombor “7508”, lampiran 16 ⇐).

⁸ Muḥammad al-Ṭālib bin al-Ḥāj al-Sulamī, *al-Azhār al-Ṭayyibah al-Nasbr fī mā Yataʿallaqu bi Baʿḍi al-ʿUlūm min al-Mabādiʾ al-ʿAshr*, ed. Jaʿfar bin al-Ḥāj al-Sulamī (Tetouan: al-Khalīj al-ʿArabī, 1428H/2007M), 2/221.

Terutama *Sugbrā* yang mana ia satu yang menyeluruh

Dari sisi dalil-dalil yang mengangkat segala kekeliruan

Semoga Allah membalasnya sebaik balasan

Dengan mengikuti jejaknya kami telah beroleh kejayaan.⁹

Di antara pujian ke atas akidah Imam Sanūsī, syair yang dipanggil “*Rāʿiyyab*” karangan Imam al-Tāzī¹⁰. Berikut merupakan teks syair tersebut¹¹:

Karya Ibnu Yūsuf bagi ilmu mulia ini

Merupakan yang paling agung dan terkenal

Ia bagaikan rantai pada batang leher orang muslim

Tidak memerlukan kepada penghargaan dari sesiapa

Cukuplah bagi kamu akidah sunnah yang terkandung dalam *al-Sugbrā*

Dengan bukti-bukti kukuh yang jelas

Bersiaga dalam kandungan *al-Kubrā*¹² sebagai benteng ke atas ahli bidaah

Dengan pedang yang tajam dan menyilau memercikkan darah

Membentang di dalam *Wustā* pengetahuan yang sederhana

Dengan cahaya yang memancar darinya menyinari kegelapan

Manakala *Muqaddimab*¹³ pula janganlah

Ditinggalkan diperjalannya begitu juga ditelaah *Asghar*¹⁴

Murid Imam al-Sanūsī; Muḥammad bin Yajbush al-Tāzī (m. 920H/1514M) telah menyusun syair “*Tāʿiyyab*”¹⁵ dalam memuji akidah Imam al-Sanūsī di samping menulis anotasi ke atasnya dengan berkata: “Semoga Allah memberi ganjaran kepada Tuan, wahai sebaik-baik Tuan, seperti ganjaran ke atas para aulia Allah yang bertakwa. Tuan telah membanting tulang empat kerat demi menasihati muslimīn, merungkaikan permasalahan yang muncul dari kebanyakan mereka yang terdahulu dan

⁹ ‘Abd al-Salām bin Nāṣir, *Qaṣīdah fī ‘Ilmi al-Tawḥīd*, (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah di Rabat bernombor “12095”, lampiran 130 ḥ).

¹⁰ Dalam penyelarasan qasidah ini saya merujuk kepada dua salinan yang terdapat di Perpustakaan Ḥasaniyyah, yang pertama bernombor “2185”, lampiran 175 ḥ, yang kedua saya dapatinnya tertulis dipengakhiran syarahan Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī dalam kitabnya “*Umdah Abl al-Tawfiq wa al-Tasḍīd fī Syarḥ ‘Aqīdah Abl al-Tawḥīd*”, bernombor 13218, lampiran 93 ḥ. Salinan pertama saya meletakkan padanya tanda (ḥ) dan yang kedua tanda (ḥ).

¹¹ Pencatit (ḥ) sebelum memuji beliau telah menulis: “Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm, Ṣallā Allāhu ‘Alā Muḥammad wa ālihi wa sallam. Wa li ba‘ḍi al-‘ulamā’ fī madḥi ‘Aqā’idi al-Imām al-Sanūsī raḍiyallāhu ‘anh”.

¹² Nama lain baginya: “*‘Aqīdah Abl al-Tawḥīd, al-Mukhbrijah min Zulūmāt al-Jahl wa Ribqab al-Taqlīd, al-Murghamah Anf Kulli Muḥtadi’ anūd*”.

¹³ Ringkasan kepada “Al-Muqaddimāt fī At-Tawḥīd”

¹⁴ Nama lain baginya “*Sugbrā al-Sugbrā*” ringkasan kepada “*al-Sugbrā*”.

¹⁵ Ibn ‘Askar, *Dawḥab al-Nāshir*, 67-69.

terkemudian, menyusun mutiara-mutiara yang dulu berselerakan, mendedahkan yang sebelum ini tersembunyi dalam keputihan di kepala kuda (الغرر), menyerlahkan ibarat-ibarat dengan baiknya dan bersesuaian dengan jalan isyarat tersebut, namun ia tidak akan difahami oleh yang bersifat keanakan yang tidak tahu menghargai, begitu juga yang tidak menghadapi kepayahan. Ibarat itu juga merupakan kata-kata yang realiti dan frasa mengenai kedudukan orang yang menjelaskan kecantikan yang tersembunyi pada ibarat tersebut dengan berkata:

Keadaan para ilmuan yang hebat itu adalah urusan aku

Manakala keadaan keterangan yang terperinci adalah pengajaran anak kecil^{16,17}

Salah seorang dari mereka telah membuat qasidah “*Tāʿiyyah*” mengikut *bahr al-tawīl* yang mengandungi pujian ke atas *Umm al-Barābīn*:

Wahai penuntut ilmu akidah rebutlah peluang

Mempelajari karangan *al-Ṣughrā* Imam al-Sanūsī sebuah karya yang hebat

Karya yang berukuran kecil terkandung dalamnya

Ilmu-ilmu yang banyak serta dalil-dalil

Penerangan dan bukti-bukti yang jelas sehingga tidak membenarkan

Kata-kata orang yang menginginkan dari agama ini peluang

Beljarlah akidah ini dan berjalanlah bersama-sama

Dengan orang yang mempunyai pemahaman yang tepat tentangnya

Ulanglah membacanya sehingga engkau memperoleh hasilnya

Dari pemahamanmu terhadap apa yang terkandung padanya dari dalil-dalil

Janganlah engkau menukarnya suatu hari nanti dengan sesuatu yang lain

Juga janganlah engkau meninggalkannya atau merosakkannya

Maka bersegeralah wahai kawan! Sahutlah seruan!

Seruan untuk menjaganya bagi pihak penulis asalnya

Lalu memuji ke atasnya dengan berkata “saya tidak pernah melihat karya seperti ini”

Berpeganglah kepadanya sebagaimana ia engkau perolehi

Bila dirimu di isi dengan kandungan akidahnya

¹⁶ Penterjemah: Makna rangkap ini adalah kitab *al-Ṣughrā* itu bermanfaat kepada para ilmuan yang hanya memerlukan untuk mengingatkan mereka akidah-akidah yang sahih, sedangkan bagi yang masih diperingkat permulaan maka kita ini bermanfaat untuk mengetahui perkara-perkara akidah secara terperinci.

¹⁷ Ibn ‘Askar, *Dawḥah al-Nāshīr*, 69.

Maka tahniahlah atas kebahagiaan yang engkau kecapi
Penulisnya merupakan syeikh yang agung terbukti
Keagungannya pada alim ulama yang mendalam ilmunya
Terlipat padanya ilmu akidah yang tersirat
Yang memberitahu padamu erti lafaz syahādah
Perhatikanlah ia dengan teliti serta huraikanlah teka-tekinya
Bagi mereka yang mempunyai cahaya firasat dalam ilmu
Kerana hasil darinya sesuatu yang takjub tidak pernah dilihat oleh orang lain
Bernafas padanya dalam ilmu yang berharga
Salam ke atas kubur Imam Ibn Yūsuf
Penyelamat umat Islam yang agung
Cucu Junjungan Agung merupakan seorang pejuang
Oleh kerana itu bergemerlapan Negara disebabkan
Kelam kegelapan keluar dari jiwa peminat beliau
Dan barisan ahli bidaah disebabkan oleh beliau; berselerakan
Beliau memancar dan bersinar bagaikan bintang di langit
Anugerahkanlah kepada beliau Imam pemegang pedang tarikat
Menginap di sisi Ahli Maghribi dengan rasa gembira
Kerana beliau mempunyai ilmu tentang sesuatu kaum yang mencukupi
Beliau menghidupkan ilmu-ilmu yang kurang perhatian ke atasnya
Umat berbangga dengan ulama seperti beliau
Tahniah wahai Abū al-Ma‘ālī! Sesungguhnya kami ini
Pewaris kepada ilmumu dan nisbah kami kepadamu
Apa yang disiarkan dalam *al-Irshād* dan *al-Kubrā*
Telah menggunakan lafaz yang ringkas dan memotong segala syubhah
Semoga Allah membalas beliau di syurga sebaik balasan

Dan menjurus kuburannya dengan limpahan hujan rahmat¹⁸

Terdapat ungkapan sebelum pujian di atas ini, teksnya seperti berikut: “Untuk hamba sahaya tuhanaya: Hāshim bin ‘Abd al-Raḥmān al-Ḥasani”. Ungkapan ini mempunyai kesamaran, boleh menjadi tiga petunjuk paling kurang yang terkandung dalamnya:

- 1) Maksudnya adalah nama penyusun pujian di atas;
- 2) Nama kepada pemilik salinan manuskrip;
- 3) Nama pencatat, kerana kadangkala nama pencatat terdapat di awal salinan dan bukan pada akhirnya.

Di samping itu juga kami tidak mendapat petunjuk lain selain dari apa yang tercatat di atas, dalam salinan manuskrip tersebut. Mungkin cukup bagi kami untuk menisbalkannya kepada penyusun tanpa nama. Namun begitu, diyakini bahawa penyusun ini berasal dari Maghribi.

Begitu terdapat beberapa qasidah yang disusun bersempena dengan majlis pengkhataman ‘*Aqā’id al-Sanūsī*, termasuk juga *al-Ṣughrā*¹⁹.

Ijazah Pembacaan, Mendengar dan Mempelajari *Ṣughrā al-Sanūsī*

Sekitar pujian-pujian yang disebut sebelum ini, kita dapat melihat kegembiraan yang terpancar dari pujian tersebut. Kegembiraan ini kemudiannya dimanifestasikan dalam bentuk ijazah-ijazah pembelajaran dan pembacaan²⁰ *al-Ṣughrā* berserta syarahannya, begitu juga riwayatnya yang bersambung kepada penulis asal *al-Ṣughrā*.²¹

‘Abd al-‘Azīz al-Fashtālī (m. 1031H/1621M) ada menyebut bahawa dia meriwayatkan ‘*Aqā’id al-Sanūsī* termasuk juga *al-Ṣughrā* dari syeikh beliau Abū al-‘Abbās Aḥmad al-Manjūr (m. 995H/1587M).²² Beliau juga menyebut syeikh beliau mengijazahkan beliau *Ḥāshiyah al-Ṣughrā*.²³

Muḥammad bin Qāsim al-Qādirī (m. 1331H/1912 M) meriwayatkan *Ṣughrā al-Sanūsī* melalui dua sanad yang bersambung terus kepada penulisnya.²⁴

¹⁸ Qasidah “*Ta’iyyah*” mengandungi pujian ke atas ‘*Aqā’id al-Sanūsī*’ dari seorang penyusun Maghribi yang tidak diketahui namanya, (Manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah di Rabat bernombor “13312” dalam kumpulan kitab-kitab lain, lampiran 1 ḥ).

¹⁹ Lihat sebagai contoh; *Qasīdah Ya’iyyah* yang dikarang oleh Muḥammad bin Ṭāhir al-Hawārī ketika majlis Abī Ḥafṣ al-Fāsī bagi pengkhataman “*Ṣughrā As-Sanūsī*” pada awal Ramadan tahun 1168H/1754M, Lihat: *Dīwān Muḥammad bin Ṭāhir al-Hawārī*, ed. Aḥmad al-‘Irāqī, (Fes: Ānfū, 2004M), 190-191.

²⁰ Yūsuf Iḥnānah, *Taṭannur al-Madhbab al-Ash‘arī fī al-Gharb al-Islāmī*, (Rabat: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islamiyyah, ed. 2, 2007M), 211, 216, 254.

²¹ Abū Fāris Abd al-‘Azīz al-Fashtālī, *Manābil al-Ṣafā fī Ma’ātibir Mawālīnā al-Shurafā*, ed. ‘Abd al-Karīm Kurayyim (Rabat: *Manshūrāt Jam‘iyyah al-Mu‘arrikhīn al-Maghāribah*, ed. 2, 1426H/2005M), 266.

²² Ibid., 266.

²³ Ibid., 266.

²⁴ Biografi Muḥammad bin Qāsim al-Qādirī: Muḥammad bin Qāsim Al-Qādirī Al-Ḥasani, *Iḥāf Abl al-Dirāyah bi mā lī min al-Asānīd wa al-Riwayah*, ed. Muḥammad bin ‘Azzūz (Casablanca: Markaz al-Turāth al-Thaqāfi al-Maghribī, 1424H/2004M), 37-38.

Ibnu ‘Askar al-Shafshāwinī memperoleh ijazah *‘Aqā’id al-Shaykh al-Sanūsī* dan syarahannya²⁵ termasuk juga *al-Ṣughrā* pada tahun 972H bersamaan dengan 1564M dari Abū Abdillāh Muḥammad Shaqrūn bin Hibbatillāh (m. 983H/1575M). Begitu juga Abū Sālim al-‘Iyāshī (m. 1090H/1679M) telah membaca *al-Ṣughrā* kepada ‘Abd al-Qādir al-Fāsī (m. 1091H/1680M) dan menerima ijazah karya-karya al-Sanūsī darinya.²⁶

Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān bin Jalāl (m. 981H/1573M) menyebut beliau telah mengambil *al-Ṣughrā* dari Abī ‘Uthmān al-Kafīf dari al-Sanūsī.²⁷ Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Qāsim al-Qaṣṣār (m. 1012H/1603M) telah meriwayatkan melalui sanad beliau – secara ijazah- kepada al-Sanūsī.²⁸

Bahkan sehingga masakini ada sebahagian dari mereka ini yang menjaga sanad ini seperti al-Faqīh Muḥammad al-Ḥjūjī (m. 1370H/1950M) yang mana beliau mengatakan bahawa beliau meriwayatkan ijazah karya-karya al-Sanūsī termasuk padanya *al-Ṣughrā* dari Sīdī Muḥammad al-Hāshimī al-Madanī dari Sīdī Fālih al-Madanī dari Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Alī bin al-Sanūsī dari al-Musnid al-Mu‘ammar (yang berumur panjang) Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Āmir al-Ma‘dānī al-Sālimī al-Fāsī dari Abī Ḥafṣ ‘Umar bin Abdillāh al-Fāsī dari Abī al-Ḥassan ‘Alī al-Ḥurayshī dari al-Imām Sīdī ‘Abd al-Qādir al-Fāsī dari al-‘Ārif Abī Zayd al-Fāsī dari Abī al-Imām Abī al-Dhakhā’ir al-Qaṣṣār dari al-Shaykh Muḥammad bin Jalāl al-Tilimsānī dari Ibn Marzūq al-Kafīf darinya^{29,30}

Pengulangan dalam pembacaan tidaklah tertumpu kepada *al-Ṣughrā* sahaja bahkan karya-karya yang beredar sejajar orbitnya juga seperti syarahan-syarahan, *ḥawāshī*, komentar-komentar terhadap teks ini yang berbentuk tulisan dan lain-lain juga turut sama diberi perhatian. Sebagai contoh kepada perkara ini sebagaimana terdapat di dalam salinan “10131” dari “*Sharḥ al-Sanūsī ‘alā Ṣughrāhu*”³¹, teks yang tertulis di muka surat pertama darinya berbunyi: “Telah membacanya di sisi kami seorang anak muda yang bernama Laḥsan bin Ibrāhīm bin Muḥammad bin Yūsuf bin Nūḥ, semoga Allah menanam padanya benih kebaikan dan menjadikan dia pembawa al-Quran dan zuriat yang halal. Pembacaan ini berlaku pada hari Jumaat dari bulan Allah Yang Agung; Ramadan bertarikh pada tahun 1318H”.

Syarahan, *Ḥawāshī*, komentar (*Ta‘lūqāt*) dan Naẓm (Syair) bagi *al-Ṣughrā*

- *Ithāf al-Murīdīn bi ‘Aqā’id Umm al-Barābīn* karangan Aḥmad bin ‘Abdillāh bin Abī Bakr al-Ghadāmīsī (hidup pada tahun 1094H/1682M)³²: al-Ghadāmīsī selesai menulis kitab ini pada

²⁵ Ibn ‘Askar, *Dawḥab al-Nāshīr*, 117.

²⁶ Abū Sālim al-‘Iyāshī, *Iqtijā’ al-Athr Ba‘da Dhahāb Abl al-Athr*, ed. Nasfīsaḥ al-Dhahabī (Rabat: Manshuūrāt Kulliyah al-Adāb wa al-‘Ulūm al-Insāniyyah, ed. 1, 1996M), 198.

²⁷ Abū Ḥāmid Muḥammad al-‘Arabī bin Yūsuf al-Fāsī al-Fihri, *Mir‘āb al-Maḥāsīn min Akhbār al-Shaykh Abī al-Maḥāsīn* ed. Muḥammad Ḥamzah bin ‘Alī al-Kattānī (Casablanca: Markaz al-Turāth al-Thaqāfī al-Maghribī, ed. 2, 1429H/2008M), 108-109.

²⁸ Ibid., 353-354.

²⁹ Dari Muḥammad bin Yūsuf As-Sanūsī.

³⁰ Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥjūjī, *Kanzu al-Yawāqūt al-Ghālīyyah fī al-‘Asānīd al-‘Alīyyah ma‘a al-Mīnah al-Wabbīyyah ‘Alā Talkhīṣ al-Shamā’il An-Nabawīyyah*, ed. Muḥammad al-Ḥjūjī dan ‘Abd Al-‘Ilāh Bushāmah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ed. 1, 2009M), 366.

³¹ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah.

³² Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah pada salinan manuskrip berikut: 3223, 4509, 5023, (1 ب – 74 ب), 5143.

hujung hari Khamis 12 Rabīʿu al-ʿAwwal tahun 1094H sebagaimana yang telah beliau nyatakan pada penghujung kitab beliau.

- *Iṭḥāf al-Mughbram al-Mughbrā bi Takmil Sharḥ al-Ṣughrā* karangan Shihābu al-Dīn Abī al-ʿAbbās Aḥmad bin Muḥammad al-Maqqarī al-Tilimsānī (m. 1041H/1632M)³³: buku ini pada asalnya merupakan cebisan-cebisan nota yang penulis kumpulkan pada “*Sharḥ al-Sanūsī ʿalā Ṣughrābu*”. Sebahagian dari cebisan itu diambil dari tulisan tangan para guru beliau kemudian beliau jadikan cebisan tersebut penyempurna kepada kitab ini. Walaubagaimanapun cebisan tersebut mentah, tidak ditapis mahupun dibuang segala pengulangan dan tidak pula disusun segala kesilapan mengikut susunan sesuai dengan kata-kata penulis syarahannya. Oleh yang demikian karya ini merupakan pendahuluan kepada karya beliau yang hampir siap yang bernama “*Ifādah al-Mughbram al-Mughbrā bi Takmil Sharḥ al-Ṣughrā*”.

Penulisan *Iṭḥāf al-Mughbram Al-Mughbrā* berlarutan selama 10 hari dan sempurna penulisannya pada hari Rabu 26 Muharam tahun 1021H di kota Fes.

- *Iḍāʿah al-Dujunnah fī ʿAqāʿid Aḥl al-Sunnah* gubahan Abū Al-ʿAbbās Al-Maqqarī seperti yang pernah disebut. Kitab ini merupakan nazm kepada “*al-Ṣughrā*”.
- *Iʿānah al-Mājidīn fī Taṣḥīḥ al-Dīn bi Umm al-Barābīn* karangan Aḥmad ʿArafah al-Shādzilī al-Mālikī³⁴. Pengarang menulis syarahan yang panjang kepada “*Umm al-Barābīn*” kerana beliau mendapati kitab ini mengandungi perbincangan, tahkik, dan perdebatan yang banyak dalam ilmu kalam samada terkumpul ataupun terpisah. Disamping itu ia juga sangat teliti dan mempunyai faedah yang banyak tetapi tujuan perjalanan kitab ini tidak jelas dan tidak semua mampu mendapat faedah darinya. Kemudian beliau meringkasnya maka lahirlah *Iʿānah al-Mājidīn* yang mana ia lahir mengikut kepada kemahuan “kumpulan yang berkehendak kepada pemahaman kepadanya dan mengambil berat untuk memahami makna-maknanya”.³⁵
- *Ifādah al-Mughbram al-Mughbrā bi Takmil Sharḥ al-Ṣughrā* karangan al-Maqqarī yang telah disebut tadi. Namun kitab ini berbeza. Ianya bukanlah kitab *Iṭḥāf al-Mughbram al-Mughbrā bi Takmil Sharḥ al-Ṣughrā* sebagaimana jelas perbezaan antara keduanya terdapat pada perkataan pertama dari tajuk kedua-dua kitab ini.

Pengarang menulis “*al-Ifādah*” sebagai pelengkap kepada “*al-ʿIṭḥāf*” kerana terdapat beberapa perbincangan ilmu kalam yang tidak disebut dalamnya.

Kitab ini tidak disebut di dalam Indeks Manuskrip Perpustakaan al-Ḥasaniyyah Rabat, kerana ia dimuatkan di dalam kitab “*al-ʿIṭḥāf*” sebagai satu himpunan buku.³⁶

- *Taʿlīq ʿAlā al-ʿAqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan ʿAlī bin Saʿd.³⁷
- *Taqyīd ʿAlā Ṣughrā al-Sanūsī* karangan Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Manṣūr al-Maghrāwī.³⁸
- *Ḥāshiyah ʿAlā al-ʿAqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad al-Bājūrī al-Shāfiʿī (m. 1277H/1860M).³⁹ Selesai menulisnya pada bulan Jamadil Awal 1227H.

³³ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah pada salinan manuskrip berikut: 3544 (1 ʿ – 76 ʿ), 5928, 12625.

³⁴ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “7508” (16 ʿ – 38 ʿ).

³⁵ *Iʿānah al-Mājidīn*, lampiran 16 ʿ – 17 ʿ.

³⁶ ʿUmar ʿAmūr, *Kashshāf al-Kutub al-Makhtūṭah bi al-Khiṣānah al-Ḥasaniyyah* (Rabat: Perpustakaan al-Ḥasaniyyah, ed. 1, 1428H/2007M), 13.

³⁷ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “6654” (1 ʿ – 21 ʿ).

³⁸ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “6052”.

³⁹ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “6198”

- *Hāshiyah ‘Alā al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan penulis yang namanya tidak disebut.⁴⁰
- *Hāshiyah ‘Alā al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan penulis yang namanya tidak disebut.⁴¹
- *Hāshiyah ‘Alā al-‘Aqīdah al-Ṣughrā* karangan penulis yang namanya tidak disebut.⁴²
- *Sharḥ Umm al-Barāhīn* karangan al-Mellālī yang telah disebut sebelum ini: Ia diterbitkan bagi cetakan pertama pada tahun 2003M dan cetakan kedua pada tahun 2009M.⁴³

Syarahan ini merupakan karya salah seorang murid khas Imām al-Sanūsī iaitu al-Mellālī. Ini menjadikan buku ini sesuatu yang penting. Namun begitu Al-Mellālī tidak menyebutkan syarahan ini dalam karya beliau yang menceritakan biografi guru beliau “*al-Mawāhib al-Quddūsiyyah*”. Ini dapat disimpulkan bahawa syarahan ini dikarang setelah sempurnanya kitab yang disebut.

Kami dapati bahawa beliau mengikut cara penulisan guru beliau dalam syarahan ini walaupun beliau tidak menyebutkan perkara ini.

- *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan Abū ‘Abdillāh Muḥammad al-Ma‘mūn bin Muḥammad al-Ḥafṣī al-Murrākushī al-Tūnisī (m. 1037H/1628M)⁴⁴. Al-Ma‘mūn Al-Ḥafṣī ada menyebut pada ucapan pembukaan bagi syarahan ini yang mana tujuan penulisannya adalah untuk orang awam di peringkat permulaan tidaklah kepada mereka yang telah mahir dan mengamalkan ilmu ini. Maksudnya di sini adalah syarahan ini tertumpu lebih kepada penerangan apa yang kurang jelas dari teks *Umm al-Barāhīn* tanpa perbincangan yang mendalam kepada permasalahan ilmu kalam yang panjang terutamanya perbincangan yang terdapat perbezaan pendapat padanya.

Syarahan ini yang dikenali juga sebagai “*al-Sharḥ al-Ṣagḥīr*”. Oleh yang demikian beliau memberi simbol dengan menyebut “*al-Awrāq*” di dalam kitab beliau “*Ḥawāshibī ‘Alā Sharḥ al-Sanūsī ‘Alā Ṣughrāhū*”, ini merupakan kata kunci sebagaimana yang terdapat pada ucapan pendahuluan syarahan beliau ini.

- *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī (al-Sharḥ al-Ṣagḥīr)*, karangan Muḥammad bin Abī al-Qāsim bin Nāṣir al-Fgīgī al-Tawzarī al-Sa‘īdī⁴⁵: beliau mengarang syarahan ini di Negara fgīg tahun 1048H/1698M. Ia merupakan satu syarahan yang bermanfaat. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa perkara, antaranya:

- 1- Cara pendekatan beliau berkisar permasalahan ilmu kalam di mana beliau mengumpulkan di antara dalil aqli dan dalil naqli.

⁴⁰ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “10382” (51 ب – 59 ب).

⁴¹ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “10851” (1 ب – 30 ب).

⁴² Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah bernombor “13948” (436 – 450).

⁴³ al-Mellālī, *Sharḥ Umm al-Barāhīn ma‘a Umm al-Barāhīn*, ed. Khālid Zahri (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ed. 1, 2003M dan ed. 2, 2009M).

⁴⁴ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 666 (112 أ – 115 ب), 1233 (168 ب – 189 ب), 2800, 2975, 3166, 3179, (1 أ – 19 ب), 4910, 5350, 5385, (10 أ – 28 ب), 5649 (1 ب – 8 ب), 5720, 6338 (40 ب – 63 ب), 6808, 7502 (13 ب – 33 ب), 7560, 8715, 8988 (45 ب – 56 ب), 9486 (1 أ – 5 ب), 11954 (206 ب – 236 ب), 12116 (85 ب – 116 ب), 12180 (166 أ – 195 ب), 13292 (123 ب – 130 ب), 13333 (1 ب – 27 ب), 13387 (120 ب – 152 ب), 13396 (88 ب – 111 ب), 13447 (7 ب – 28 ب), 13520 (200 ب – 228 ب), 13601 (73 ب – 97 ب).

⁴⁵ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 4387 (1 ب – 45 ب), 5385 (28 ب – 73 ب), 5945 (28 ب – 55 ب), 6314, 7141, 7199 (1 ب – 47 ب), 9510 (20 ب – 31 ب), 9631 (1 أ – 26 ب), 10099, 11382 (44 ب – 99 ب), 12183 (228 ب – 270 ب), 12590, 13292 (23 ب – 63 ب), 13546 (3 أ – 49 ب).

- 2- Salah seorang ulama besar Maghribi menyalin semula syarahan ini. Ini menunjukkan keprihatinan beliau kepadanya. Beliau ialah Syeikh Muḥammad al-Ṣāliḥ bin Muḥammad, dikenali juga sebagai al-Muṣṭā bin ‘Abd al-Khālīq bin ‘Abd al-Qādir al-Sharqī (m. 1139H/1726M). Salinan ini bernombor “9510” sebagaimana yang terdapat di nota kaki di bawah.
- 3- Ulama besar dan ahli sufi Maghribi yang telah disebutkan di atas menyaksikan bahawa syarahan ini mengandungi faedah dan ketepatan sebagaimana kalam beliau di akhir salinan beliau: “Maka telah sempurnalah syarahan yang bermanfaat ini yang mengandungi satu perumusan yang tepat”. Sebagaimana beliau, terdapat jugak beberapa penyaksian lain dari pelbagai ulama dan pakar dalam bidang ilmu kalam kepada kepentingan dan nilai syarahan ini.
 - *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī (al-Sharḥ al-Kabīr)* karangan Muḥammad bin Abī al-Qāsim bin Nāṣir al-Fgīgī al-Sa‘īdī.⁴⁶
 - *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abdillāh bin Ya‘qūb al-Simlālī al-Juzūlī (m. 1093H/1682M).⁴⁷ Pada syarahan ini al-Simlālī hanya menumpukan pada merungkai lafaz-lafaz yang terdapat dalam “*Ṣughrā al-Sanūsī*”. Ini menjadikan syarahan ini ditujukan khas buat orang awam yang baru berjinak dalam bidang ini.
 - *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan Abū ‘Alī al-Ḥassan bin Muḥammad al-Huddāyḡī al-Ma‘dānī al-Dar‘ī yang dikenali sebagai al-Dirāwī (m. 1006H/1598M).⁴⁸ Beliau mengarang syarahan ini berdasarkan kepada kajian para guru beliau pada kesempatannya membaca ke atas mereka kitab “*Umm al-Barāhīn*”. Ia merupakan syarahan yang ringkas yang dikarang untuk tujuan pendidikan. Ia juga merupakan syarahan yang bermanfaat yang mana terdapat di dalamnya – seperti mana yang dikatakan oleh al-Qādirī: “Pemindahkan idea – idea, tahkik, pemerhatian yang bermutu, pemahaman dan ketelitian”.⁴⁹
 - *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan ‘Abd al-Qādir bin Aḥmad bin Khaddah al-Rāshidī.⁵⁰
 - *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā li al-Sanūsī* karangan penulis yang namanya tidak diketahui⁵¹: Dapat dilihat di sini bahawa penulis mengikut mazhab al-Sanūsī dalam permasalahan taklid dalam perkara usuluddin (akidah) yang mana al-Sanūsī melarangnya. Perkataan penulis di dalam ucapan pembukaan syarahannya menunjukkan dengan jelas pendirian beliau dengan berkata: “Orang awam diperingkat permulaan boleh menggunakannya bagi membantu untuk keluar dari taklid (dalam akidah)”. Walaubagaimanapun Ibn Zakrī membolehkan perkara tersebut. Penulis syarahan ini banyak menukulkan kata-kata dari kedua Imam besar yang disebutkan dalam perkara akidah.

⁴⁶ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 4921 (2 ب – 76 ڤ), 6797, 14014 (m/s 143 – 360).

⁴⁷ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip bernombor: “7286”

⁴⁸ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 6071, 8988 (1 ب – 45 ڤ), 8989 (1 ب – 64 ڤ), 12206 (1 ب – 84 ب), 13390 (1 ب – 75 ڤ), 13426 (20 ب – 165 ڤ).

⁴⁹ al-Qādirī, *Nasr al-Mathānī*, 3/1091.

⁵⁰ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 4927 (1 ب – 18 ب), 7176, 9588 (1 ڤ – 9 ب).

⁵¹ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 6706

- *Ghāyatu al-Ṭālibīn li Mā Taḍammanathu Umm al-Barāhīn* karangan Muḥammad bin Muḥammad al-Miṣrī (hidup pada tahun 1066H/1655M)⁵²; Penulis selesai mengarang syarahan ini pada sebelum tengah hari, Khamis 25 Jamadil Akhir tahun 1066H.
- *Faṭḥu al-Raḥmān li Aqfālī Umm al-Burhān* karangan Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Abd al-Salām al-Bayjuṛī al-Maknāsī (hidup pada tahun 1149H/1736M)⁵³; Ibn Zaydān ada menyebut bahawa syarahan ini dikenali juga sebagai “*Sbarḥ al-Murqīṣ al-Muṭrib*” dan menyifatkannya sebagai: “syarahan yang berjilid tebal, penulisnya telah membuat sesuatu yang baru di dalamnya serta ada pengulangan, menyunting dan menyaring, menyemak dengan tekun, ...”⁵⁴
- *al-Farīdah al-Gharrā’ fī Naẓm al-‘Aqīdah al-Ṣughrā’* gubahan Abū al-‘Abbās Aḥmad bin al-Ḥāj al-Warībīdī (al-Warīndī)⁵⁵; Ia merupakan satu susunan bait syair bagi *al-‘Aqīdah al-Ṣughrā’*. Bilangan baitnya adalah sebanyak 143. Ia dimulai dengan:

الحمد لله الذي عرفنا بنفسه وبالهدى شرفنا

(Segala puji bagi Allah yang telah mengenalkan kami

Dengan zat-Nya dan dengan petunjuk ini kami terhormati)

- *Qasīdah fī Ilm al-Tawḥīd* gubahan ‘Abd al-Salām bin Nāṣir⁵⁶ : Ia boleh dianggap sebagai satu *naẓm* kepada *Ṣughrā’ al-Sanūsī* kerana terdapat padanya kesan-kesan dari *Ṣughrā’* bahkan pengarang ada menyebut secara tidak langsung di bait-bait terakhir galakan untuk mengambil berat kepada *al-Ṣughrā’* dalam bentuk hafalan dan memahaminya. Bilangan baitnya sebanyak 46. Pengarang ada menyebut karangannya ini ditujukan kepada orang awam diperingkat permulaan supaya tidak selamanya berada dalam taklid. Beliau juga melihat jatuhnya semangat orang-orang pada waktunya untuk menghiasi diri dengan perhiasan ilmu yang bermanfaat terutamanya ilmu tauhid. Permulaan syair ini berbunyi:

يقول نجل ناصر عبد السلام وقد رجا حوله دار السلام

(Anak kepada Nāṣir ‘Abd al-Salām berkata:

Beliau mengharapkan satu penempatan di Dār as-Salām)

- *Majmū‘ al-Fawā’id ‘Alā Ṣughrā’ al-‘Aqā’id* karangan Abū ‘Abdillāh Muḥammad al-Ma’mūn bin Muḥammad al-Ḥafṣī al-Murākushi al-Tūnisī (m. 1037H/1628M)⁵⁷; Syarahan ini juga dikenali dengan nama “*al-Sbarḥ al-Kabīr*” sebagaimana yang terdapat di akhir salinan manuskrip bernombor: 10061 sebagaimana yang terdapat di nota kaki di bawah.
- *Mukhtaṣar min “al-‘Aqīdah al-Ṣughrā’* karangan penulis Maghribi yang namanya tidak diketahui⁵⁸; Kami mempunyai dua pemerhatian dari ringkasan ini:
 - 1- Penulisnya menamakan “*Umm al-Barāhīn*” dengan nama *al-Ṣughrā’* dengan kata lain beliau telah menambahkan nama lain baginya. Tidak syak lagi kepelbagai nama yang berbentuk

⁵² Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 9964

⁵³ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 13937

⁵⁴ ‘Abd al-Raḥmān bin Zaydān, *Ithāf ‘Alām al-Nās bi Jamāl Akhbār Ḥādirati Meknes* (Rabat: al-Maṭba‘ah al-Waṭaniyyah, ed. 1, 1350H/1932M), 4/132.

⁵⁵ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 13330 (ب 19 – 16).

⁵⁶ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 12095 (129 أ – 130 أ).

⁵⁷ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini seperti berikut: 5624, 6036 (ب 74 – 1), 10061, 12182 (ب 109 – 37).

⁵⁸ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 646 (295 أ – 297 ب).

sifat ini menunjukkan kepada peringkat mengambil perhatian kepadanya, keprihatinan untuk mengajarkannya dan mempelajarinya di Barat Islam secara amnya dan Maghribi (المغرب الأقصى) secara khasnya.

- 2- Beliau bukan sahaja berijtihad dalam meringkasnya bahkan berusaha dengan keras dalam mengkelaskan setiap perbincangan pada bab yang tertentu. Ini menyebabkan pembacaan ke atas ringkasan ini menjadi mudah kepada para pelajar, berbanding kitab asal yang diringkaskan darinya yang tidak mempunyai perincian mahupun pembahagian bab.

Terdapat seorang ulama yang telah mengabstrak hakikat-hakikat dari *Umm al-Barāhīn* seterusnya mensyarahkannya. Dua karya ini adalah: *Tajrīd Ḥaqā'iq Ṣughrā al-Sanūsī wa Sharḥihā*⁵⁹ dari penulis yang tidak diketahui namanya.⁶⁰

Penerimaan yang Banyak untuk Menyalinnya

Tidak diragukan lagi dengan bilangan ulang semula salin yang banyak menunjukkan bilangan penerimaan ke atasnya juga. Inilah yang membezakan “*Ṣughrā al-Sanūsī*” di mana bilangan salinan ke atasnya yang terdapat di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah sahaja mencecah 40. Bilangan syarahannya pula mencecah 50 salinan di Perpustakaan yang sama.

Perkara ini menunjukkan bahawa akidah ini berjaya mengambil alih hierarki pengetahuan yang dahulunya diduduki oleh akidah lain seperti yang telah disebut pada permulaan kertas kerja ini. Ini dikuatkan lagi dengan penemuan hanya 6 salinan dari “*al-Murshidab*”⁶¹, satu salinan sahaja dari “*Nūr al-Qulūb*”⁶² di Perpustakaan. “*al-Burhāniyyah*” pula tidak dapat kami temukan walau satu salinan darinya di Perpustakaan ini kecuali *Sharḥ* Abī al-Ḥassan ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Yafranī al-Ṭanjī (m. 734H/1333M)⁶³ dan syarahan lain namun nama penulisnya tidak disebut.⁶⁴

Hierarki pengetahuan yang diduduki oleh akidah ini terkesan juga kepada para ulama. Sebahagian dari ulama menjadi terkenal oleh kerana penerimaan mereka sama ada mengajarnya, mensyarahkannya, dan menulis *ḥāshiyah* dan komentar ke atasnya; sebagai contoh Muḥammad bin ‘Umar al-Mellālī yang mana terdapat salinan syarahan beliau kepada *Ṣughrā* tulisan gurunya di Perpustakaan al-Ḥasaniyyah lebih kurang 40 salinan.

Di samping itu juga, kita boleh melihat satu sudut berbeza di mana nilai keilmuan kebanyakan ulama Maghribi dan kedudukan mereka di sisi masyarakat pada zaman mereka dan kemasyhuran yang

⁵⁹ Terdapat di Perpustakaan Al-Ḥasaniyyah salinan manuskrip ini bernombor: 6414 di dalam himpunan dari lampiran 1 ب hingga 28 ب.

⁶⁰ Untuk mendapat lebih banyak syarahan-syarahan, *ḥawāshī*, komentar, syair-syair dan pengabstrakan idea dari “*Aṣ-Ṣughrā*”, sila rujuk: Khālid Zahrī dan Abdul Majīd Būkārī, *Fabris al-Kutub al-Makhtūṭah fī al-‘Aqīdah al-‘Ash‘ariyyah* (Rabat: Perpustakaan al-Ḥasaniyyah, ed.1, 1432H/2011M).

⁶¹ Ia bernombor seperti berikut: 13035 (24 أ – 25 ب), 13436 (240 أ – 243 ب), 13480 (236 أ – 236 ب), 13525 (52 ب – 53 ب), 13606 (6 ب), 11947 (175 أ – 175 ب).

⁶² Ia bernombor: 2336.

⁶³ Syarahan tersebut bernama “*al-Mabāḥith al-‘Aqliyyah fī Sharḥ Ma‘ānī al-‘Aqīdah al-Burhāniyyah*” bernombor: 11741 (1 ب – 138 ب).

⁶⁴ Ia bernombor 13722 (m/s: 102 – 316).

mereka peroleh pada zaman mereka⁶⁵ berdasarkan karya mereka seperti syarahan, penulisan *ḥāshiyah* dan komentar ke atas *al-Ṣughrā*. Kami memberi contoh seperti Muḥammad al-Ma'mūn bin Muḥammad al-Ḥafṣī al-Murākushi sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, mempunyai kira-kira 30 salinan⁶⁶ syarahan beliau ke atas *Ṣughrā al-Sanūsī* di perpustakaan tersebut. Maka tidak syak lagi bahawa dengan banyaknya penyalinan ke atas syarahan ini menunjukkan kepada banyaknya mereka yang mengambil faedah darinya dan betapa ia tersebar luas. Tidak dilupa juga penerima teks ini yang sangat baik dari para ulama dan juga penuntut ilmu.

Penutup

Sebaik kata akhir: Sesungguhnya ciri utama yang menjadikan kedudukan “*al-Ṣughrā*” di sisi masyarakat Maghribi tidak dapat diganggu-gugat oleh mana-mana kitab akidah yang lain jelas kelihatan pada penerimaan ke atasnya yang banyak dalam pelbagai bentuk; mempelajarinya, membacanya, meriwayatkannya, menyebarkan ilmu pengetahuan di dalamnya serta menyalin semula.

Perhatian yang diberikan oleh masyarakat Maghribi ke atasnya telah merealisasikan beberapa tujuan yang mulia. Antara yang terpenting adalah:

- Sumbangannya dalam menjaga akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Barat Islam secara amnya dan secara khasnya di Maghribi dari segala macam aliran pemikiran dan mazhab yang sesat. Ia bagaikan perisai kepada mereka yang kecil mahupun besar dari kesan pemikiran yang bukan sunni.
- Ia berjaya menempatkan diri pada takhta kekuasaan ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab akidah yang lain. Oleh yang demikian karya – karya yang berkisar tentangnya banyak sekali dalam pelbagai bentuk; syarahan, penulisan *ḥāshiyah* kepada syarahan tersebut dan komentar kepada *ḥāshiyah* itu yang secara tidak langsung menyumbang kepada pergerakan penulisan karya di wilayah ini dan menyuburkan penulisan karya berkaitan dengan pemikiran akidah al-Ash'ārī.
- Ia telah meninggalkan satu kesan yang khas pada sejarah ilmu kalam al-Ash'ārī di Barat Islam. Tidak hairanlah fasa ini yang bermula dari zaman al-Sanūsī hinggalah sekarang dinamakan “*al-Marḥalah al-Sanūsīyyah*”⁶⁷ yang mana ia merupakan fasa yang penting bagi perkembangan mazhab al-Ash'ārī di wilayah ini.

⁶⁵ Walaubagaimanapun mereka pada zaman sekarang sudah tidak dikenali terutamanya oleh ilmuan–ilmuan kontemporari.

⁶⁶ Sila lihat diskripsi salinan ini di: Zahrī dan Būkārī, *Fabris al-Kutub al-Makhtūṭah fī al-ʿAqīdah al-ʿAshʿariyyah*, 2/628 – 642.

⁶⁷ Iḥnānah, *Taṭawwur al-Madhab al-Ashʿarī*, 283; Khālid Zahrī, *Min Ilm al-Kalām Ila Fiqh al-Kalām: Muqārabah Liʿibrāzī Maʿālimi al-Tajdīd al-Kalāmī ʿinda Fuqahāʾ wa Ṣufyāyah al-Maghrib* (Kuwait, Dār al-Diyāʾ, ed.1, 1438H/2017M), 47, 109, 608 – 609.